

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN  
RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN  
DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE  
[SANDAKAN]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah status perkembangan terkini tentang pemindahan pemilikan Sabah Electricity Sdn. Bhd. dari Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri Sabah telah melaksanakan kajian *due diligence* berhubung cadangan penyerahan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) kepada Kerajaan Negeri Sabah. Hasil kajian tersebut akan dibentangkan kepada Kementerian pada 13 Disember 2019 semasa mesyuarat bersama Menteri MESTECC dan Ketua Menteri Negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.